BERJAYA SOMPO INSURANCE

Polisi

SOMPO HealthPlus

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Berjaya Sompo Insurance Berhad
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-889-933
Tel.: 03-2170 7300
E-mel: customer@bsompo.com.my
Laman Web: www.berjayasompo.com.my

Lihat untuk
lebih banyak produk

SHP1225

Kandungan

NOTIS PENTING **3**

PERJANJIAN KAMI **4**

KEWAJIPAN PENDEDAHAN **4**

DEFINISI **4**

PERLINDUNGAN **7**

HURAIAN MANFAAT **8**

SYARAT **11**

PENGECUALIAN **13**

PROSEDUR TUNTUTAN **15**

NOTIS PENTING

Ini adalah Polisi **SOMPO HealthPlus** Anda. Anda harus berpuas hati bahawa Polisi ini akan memenuhi keperluan Anda dengan sebaiknya. Anda perlu membaca dan memahami terma, syarat dan jaminan Polisi serta berbincang dengan ejen Anda dan/atau dengan Kami secara langsung untuk mendapat maklumat lanjut dan/atau menjelaskan sebarang keraguan yang Anda mungkin ada sebelum Anda membeli Polisi ini.

Anda mesti mematuhi sepenuhnya dan memenuhi terma, syarat dan jaminan Polisi ini untuk menikmati perlindungan yang disediakan. Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan selepas membaca dokumen ini atau jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan Anda yang mungkin menjejaskan insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada Kami dengan segera, jika tidak, Anda mungkin tidak boleh menerima manfaat daripada Polisi ini.

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan **Polisi** ini, sila hubungi

UNIT ADUAN – PUSAT KHIDMAT PELANGGAN
Berjaya Sompo Insurance Berhad
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank
105 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tel	: 03-2170 7300
Talian Bebas Tol	: 1-800-889-933
Faks	: 03-2170 4800
E-mel	: customer@bsompo.com.my

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan maklum balas **Kami**, **Anda** boleh memilih untuk menghubungi sama ada:

PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2272 2811
Laman web : www.fmos.org.my

BNMLINK
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
Luar Negara : +603-2174 1717
Laman Web BNMLink : bnm.gov.my/BNMLINK

PERJANJIAN KAMI

Polisi, Jadual dan sebarang Pengendorsan mesti dibaca bersama kerana ia membentuk kontrak insurans Anda dengan Kami. Dokumen ini merupakan Terma dan Syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami. Ia dikeluarkan sebagai pertimbangan bagi pembayaran premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan menurut jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan yang dilengkapkan oleh Anda (atau bagi pihak Anda oleh pengantara Anda) dan apa-apa pendedahan lain yang dilakukan oleh Anda antara masa penyerahan Borang Cadangan Anda dan masa Kontrak ini ditandatangani.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Anda mempunyai kewajipan mengambil langkah munasabah untuk tidak melakukan sebarang salah nyata ketika menjawab soalan dalam Borang Cadangan, iaitu, Anda perlu menjawab soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah munasabah ketika menjawab soalan mungkin mengakibatkan pengelakan kontrak insurans Anda, penolakan atau pengurangan dalam tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata sebelum kontrak ditandatangani berhubung dengan jawapan Anda dan dalam sebarang pendedahan yang diberikan oleh Anda, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunakan.

Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan segera jika sebarang maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan adalah tidak tepat atau telah berubah pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami.

Semasa pembelian insurans ini dan pada bila-bila masa sepanjang tempoh sah kontrak insurans ini, Anda mesti memaklumkan Kami dengan segera tentang mana-mana insurans lain yang Anda telah beli yang menyediakan jenis perlindungan yang sama dengan perlindungan yang diinsuranskan di bawah kontrak insurans ini.

DEFINISI

BAHAGIAN I - BERKAITAN DENGAN BUTIRAN KONTRAK

1. **PEMEGANG POLISI/ANDA** bermakna seseorang atau badan korporat di mana Polisi telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan bagi orang yang dikenal pasti secara khusus sebagai Orang Diinsuranskan atau Pihak Diinsuranskan dalam Polisi ini.

2. **ORANG DIINSURANSKAN ATAU PIHAK DIINSURANSKAN** bermakna orang yang dinyatakan dalam Jadual Polisi termasuk Tanggungan beliau (jika berkenaan).

3. **KAMI/SYARIKAT** bermakna Berjaya Sompo Insurance Berhad.

4. **TAHUN POLISI ATAU TEMPOH INSURANS** bermakna tempoh satu tahun termasuk tarikh kuat kuasa permulaan Insurans dan sejurus selepas tarikh tersebut, atau tempoh satu tahun selepas Polisi Pembaharuan atau Diperbaharui.

5. **POLISI PEMBAHARUAN ATAU DIPERBAHARUI** bermakna Polisi yang telah diperbaharui tanpa sebarang luput masa selepas tamat tempoh Polisi sebelumnya dengan kandungan yang sama.

BAHAGIAN II - BERKAITAN DENGAN PERLINDUNGAN INSURANS

1. **KEMALANGAN** bermakna kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa, dan tertentu pada masa dan tempat yang boleh dikenal pasti yang akan, tanpa sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi Kecederaan anggota badan.

2. **KECEMASAN** bermakna keadaan perubatan atau kecederaan serius yang berlaku secara tiba-tiba atau tidak dijangka yang memerlukan pembedahan segera atau rawatan perubatan di dalam hospital untuk mengelakan kematian atau kerosakan serius terhadap kesihatan segera atau jangka panjang ke atas orang diinsuranskan. Syarikat berhak untuk menentukan sama ada keadaan perubatan atau kecederaan tersebut diklasifikasikan sebagai kecemasan.

3. **KECEDERAAN** bermakna kecederaan anggota badan yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan.

4. **PENYAKIT** bermakna keadaan fizikal yang ditandakan mempunyai perubahan patologi berbanding daripada keadaan kesihatan yang biasa.

5. **HILANG UPAYA** bermakna Penyakit atau keseluruhan Kecederaan yang timbul daripada satu sebab atau beberapa sebab yang berterusan.

6. **KEADAAN KONGENITAL** bermakna sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, serta keabnormalan fizikal neo-natal yang berlaku dalam tempoh 6 bulan selepas lahir. Ia termasuk semua jenis hernia dan epilepsi

kecuali apabila disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah Polisi ini.

7. **KANAK-KANAK** bermakna mana-mana orang yang telah mencapai umur 30 hari dan belum berkahwin, bergantung kepada Pihak Diinsuranskan dari segi kewangan dan berumur di bawah 19 tahun, atau sehingga umur 23 tahun bagi mereka yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf di Malaysia.

8. **TANGGUNGAN** bermakna mana-mana orang seperti berikut:
   a) pasangan yang telah berkahwin secara sah
   b) kanak-kanak belum berkahwin yang berumur lebih dari 30 hari tetapi di bawah umur sembilan belas (19) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun yang masih dalam pendidikan tinggi sepenuh masa dan yang tidak bekerja.

9. **PERBELANJAAN LAYAK** bermakna perbelanjaan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan yang ditanggung semasa Tempoh Insurans akibat Hilang Upaya yang dilindungi tetapi tidak melebihi had dalam jadual.

10. **PENYAKIT KRITIKAL** bermakna suatu keadaan perubatan serius yang melibatkan perbelanjaan layak di Unit Rawatan Rapi untuk tempoh minimum tiga (3) hari berturut-turut.

11. **BAYARAN BERSAMA WAJIB** bermakna jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang perlu dibayar terlebih dahulu oleh Orang Diinsuranskan sebelum sebarang perbelanjaan layak ditanggung perlu dibayar di bawah Polisi ini tetapi **tidak boleh digunakan** untuk Keadaan Dikecualikan. Bayaran Bersama Wajib akan ditolak bagi setiap Orang Diinsuranskan pada setiap Tahun Polisi.

12. **DEDUKTIBEL** bermakna jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang perlu dibayar oleh Orang Diinsuranskan termasuk gabungan Bayaran Bersama Wajib, sebelum sebarang perbelanjaan layak ditanggung perlu dibayar di bawah Polisi ini.

    Pemegang Polisi mempunyai pilihan untuk memilih **Deduktibel** untuk mengurangkan premium. Deduktibel ini akan ditolak daripada perbelanjaan layak ditanggung, bagi setiap Orang Diinsuranskan pada setiap Tahun Polisi. Pemegang Polisi boleh memilih untuk menambah atau mengurangkan jumlah Deduktibel semasa Pembaharuan tahunan Polisi yang tidak tertakluk kepada Syarat Polisi yang Dinaik Taraf. Perubahan dalam jumlah Deduktibel tidak dibenarkan sepanjang tempoh setiap Tahun Polisi.

    Deduktibel ini tidak boleh digunakan untuk rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar dan Kanser Pesakit Luar. Bagi pilihan Deduktibel yang berjumlah RM5,000 atau RM7,500, Deduktibel ini **tidak boleh digunakan** untuk Keadaan Dikecualikan.

13. **KEADAAN DIKECUALIKAN** bermakna:
    a. Rawatan Kecemasan, termasuk kes-kes Kemalangan
    b. Pesakit luar atau rawatan susulan yang disebabkan oleh Kanser atau Kegagalan Buah Pinggang atau Penyakit Kritikal
    c. Rawatan yang diterima di Hospital Kerajaan Malaysia

14. **DIPERLUKAN DARI SEGI PERUBATAN** bermakna perkhidmatan perubatan yang:-
    a) sejajar dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk Hilang Upaya yang dilindungi, dan
    b) mengikut piawaian amalan perubatan yang baik, sejajar dengan piawaian penjagaan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan yang terbukti, dan
    c) bukan untuk kemudahan Orang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diperolehi sewajarnya di luar Hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam), dan
    d) yang mana bayarannya adalah adil serta munasabah dan lazim untuk Hilang Upaya tersebut.

15. **CAJ MUNASABAH DAN LAZIM** bermakna caj untuk rawatan perubatan yang diperlukan dari segi perubatan akan dianggap munasabah dan lazim setakat ia tidak melebihi tahap umum caj yang dilakukan oleh orang lain dalam kedudukan yang sama di tempat caj tersebut ditanggung, apabila menyediakan rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang sama atau setanding kepada individu yang mempunyai sama jantina dan umur yang sama dari segi penyakit atau kecederaan dan selaras dengan piawaian dan amalan perubatan diterima yang tidak boleh ditinggalkan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Orang Diinsuranskan tersebut.

16. **PENYAKIT SEDIA ADA** bermakna Orang Diinsuranskan mempunyai pengetahuan yang munasabah mengenai hilang upaya yang wujud sebelum tarikh Berkuatkuasa Insurans. Orang Diinsuranskan boleh dianggap mempunyai pengetahuan munasabah tentang keadaan sedia ada iaitu keadaannya adalah di mana:-
    a) Orang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
    b) nasihat, diagnosis, penjagaan atau rawatan perubatan telah disarankan;
    c) simptom yang jelas dan nyata telah wujud atau terbukti; atau
    d) kewujudannya dapat dilihat oleh orang yang munasabah dalam keadaan tersebut.

17. **PENYAKIT TERTENTU** bermakna hilang upaya seperti berikut dan komplikasi berkaitan dengannya, yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama Insurans bagi Orang Diinsuranskan:
    a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit Kardiovaskular

b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu karang dalam sistem kencing dan sistem hempedu
c) Semua keadaan telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak
d) Hernia, buasir, fistula, hidrokel, varikokel
e) Endometriosis termasuk penyakit Sistem Pembiakan
f) Gangguan vertebra-tunjang (termasuk cakera) dan keadaan lutut.

18. **PENGHOSPITALAN** bermakna kemasukan ke Hospital sebagai pesakit dalam hospital yang berdaftar untuk rawatan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi selepas disarankan oleh seorang doktor. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam hospital jika pesakit tersebut tidak tinggal secara fizikal dalam hospital sepanjang tempoh kemasukan ke hospital.

19. **UNIT RAWATAN RAPI** bermakna bahagian dalam Hospital yang ditetapkan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan dikendalikan dua puluh empat (24) jam sehari semata-mata untuk rawatan pesakit yang berada dalam keadaan kritikal. Ia dilengkapi untuk menyediakan perkhidmatan kejururawatan dan perubatan khas yang tidak didapati di bahagian lain Hospital.

20. **PEMBEDAHAN KOSMETIK** bermakna apa-apa pembedahan yang dilakukan terutamanya untuk memperbaiki penampilan fizikal atau untuk mengubah atau memulihkan bentuk badan tanpa membetulkan kecacatan ketara pada anggota badan.

21. **MANA-MANA SATU HILANG UPAYA** bermakna semua tempoh hilang upaya yang timbul daripada sebab yang sama termasuk sebarang dan semua komplikasi daripadanya kecuali jika Orang Diinsuranskan pulih sepenuhnya dan tidak lagi memerlukan rawatan lanjut (termasuk ubat-ubatan, diet khas atau suntikan atau nasihat untuk keadaan tersebut) bagi hilang upaya untuk tempoh sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terkini keluar dari hospital. Hilang upaya berikutnya daripada sebab yang sama akan dianggap sebagai hilang upaya baharu.

22. **PESAKIT LUAR** bermakna Orang Diinsuranskan sedang menerima penjagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke hospital dan ini termasuk rawatan di pusat Jagaan harian.

23. **TEMPOH MENUNGGU** bermakna 30 hari pertama antara permulaan hilang upaya Orang Diinsuranskan dan tarikh permulaan/tarikh pengembalian semula Polisi ini dan digunakan hanya apabila orang tersebut dilindungi buat kali pertama. Ini tidak boleh digunakan selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika terdapat tempoh rehat dalam insurans, Tempoh Menunggu akan digunakan semula.

BAHAGIAN III - BERKAITAN DENGAN BEKALAN PERUBATAN

1. **PEMBEDAHAN SEHARI** bermakna pesakit yang perlu menggunakan kemudahan pemulihan untuk prosedur pembedahan yang dirancangkan terlebih dahulu di hospital/klinik pakar (tetapi bukan untuk bermalam).

2. **HOSPITAL** bermakna sebuah organisasi yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang sakit dan cedera sebagai pesakit dalam, dan yang:-
   a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama,
   b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam sehari oleh jururawat berdaftar dan siswazah,
   c) berada di bawah pengawasan seorang Pakar Perubatan, dan
   d) bukan sebuah klinik; tempat untuk penagih alkohol atau penagih dadah; rumah jagaan, rehat atau pemulihan atau rumah jagaan orang tua atau pertubuhan yang sama.

3. **HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA** bermakna hospital di mana caj perkhidmatannya adalah tertakluk kepada Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan/atau pindaan yang berikutnya, jika ada.

4. **UBAT YANG DIPRESKRIPSIKAN** bermakna ubat-ubatan yang dikeluarkan oleh Pakar Perubatan, Ahli Farmasi Berdaftar atau Hospital dan yang telah ditentukan oleh Pakar Perubatan atau Doktor Pakar berkenaan dengan rawatan Hilang Upaya yang dilindungi.

5. **DOKTOR ATAU PAKAR PERUBATAN ATAU PAKAR BEDAH** bermakna pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang menjalankan tugas dalam memberikan rawatan sedemikian mengikut skop pelesenan dan latihan beliau di kawasan geografi di mana perkhidmatan disediakan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Pihak Diinsuranskan sendiri.

6. **DOKTOR PERGIGIAN** bermakna seorang yang berlesen atau berdaftar dengan sewajarnya untuk menjalankan amalan pergigian di kawasan geografi di mana perkhidmatan disediakan, tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Pihak Diinsuranskan sendiri.

7. **DOKTOR PAKAR** bermakna pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen sedemikian dalam kawasan geografi di mana rawatan dijalankan, dan yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai orang yang mempunyai kepakaran unggul dan khas dalam bidang perubatan atau pergigian tertentu, tetapi tidak termasuk doktor

atau pakar bedah yang merupakan Pihak Diinsuranskan sendiri.

8. **PEMBEDAHAN** bermakna mana-mana prosedur perubatan berikut:
   a) Untuk membuat insisi, mengeksisi atau menggunakan elektrikkauteri di mana-mana organ atau bahagian badan, kecuali untuk perkhidmatan pergigian.
   b) Untuk membaiki, memulihkan semula atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan
   c) Untuk mengurangkan patah atau terkehel melalui manipulasi
   d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu karang atau objek daripada laring, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

PERLINDUNGAN

Semasa Tempoh Insurans, dan tertakluk kepada terma, syarat, pengecualian dan definisi seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini, jadual polisi dan apa-apa pengendorsan di sini, Kami akan menanggung rugi Pemegang Polisi untuk perbelanjaan layak ditanggung jika mana-mana Orang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital disebabkan secara langsung daripada kecederaan pada anggota badan, penyakit atau penyakit berkenaan dengan rawatan atau perkhidmatan yang dijalankan oleh atau atas saranan pakar perubatan atau pakar bedah.

JADUAL MANFAAT	**SHP150**	**SHP250**	**SHP350**	**SHP600**
HAD TAHUNAN KESELURUHAN	**RM 250,000**	**RM 500,000**	**RM 1,500,000**	**RM 2,500,000**
A) MANFAAT HOSPITAL				
Bilik & Penginapan Hospital (Sehingga 180 hari)	150	250	350	600
Unit Rawatan Rapi	Pembayaran Balik Penuh			
Penginap (Sehingga 180 hari)	Pembayaran Balik Penuh			
Bilik Bedah	Pembayaran Balik Penuh			
Perkhidmatan & Bekalan Hospital	Pembayaran Balik Penuh			
Pembedahan Mengimplan Perentak Jantung dan Defibrilator	15,000	25,000	30,000	50,000
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (Sehingga 180 hari)	500			
B) YURAN & PERKHIDMATAN PROFESIONAL				
Ujian Diagnostik Pra-Hospital (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan ke hospital)	Pembayaran Balik Penuh			
Perundingan Pakar Pra-Hospital (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan ke hospital)	Pembayaran Balik Penuh			
Yuran Pakar Bedah	Pembayaran Balik Penuh			
Yuran Pakar Bius	Pembayaran Balik Penuh			
Pendapat Pembedahan Kedua	Pembayaran Balik Penuh			
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Sehingga 180 hari)	Pembayaran Balik Penuh			
Rawatan Selepas Keluar Hospital (Bukan pembedahan dalam tempoh 90 hari selepas keluar)	Pembayaran Balik Penuh			
Bayaran Ambulans	Pembayaran Balik Penuh			
Bayaran Pelbagai Hospital	Pembayaran Balik Penuh			
Yuran Laporan Perubatan	Pembayaran Balik Penuh			
Kanta Intraokular Buatan	Sehingga 3,000 setiap mata			
C) MANFAAT PESAKIT LUAR / LANJUTAN				
Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar (Dalam tempoh 24 jam dan rawatan susulan sehingga 90 hari)	Pembayaran Balik Penuh			
Rawatan Kemalangan Kecemasan Pergigian (Dalam tempoh 24 jam dan rawatan susulan sehingga 90 hari)	Pembayaran Balik Penuh			
Penjagaan Kejururawatan di Rumah (Sehingga 180 hari) bagi setiap had hilang upaya	6,000			
Elaun Perkabungan	5,000			
Perubatan Alternatif –setiap kemalangan, sehingga maksimum	1,000			
Pemindahan Organ (Sekali seumur hidup)	Pembayaran Balik Penuh			
Rawatan Fisioterapi/Kiropraktik Pesakit Luar (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar)	Pembayaran Balik Penuh			
Cukai Perkhidmatan	Pembayaran Balik Penuh			
D) RAWATAN KANSER / DIALISIS BUAH PINGGANG tertakluk kepada HAD TAHUNAN KESELURUHAN				
Rawatan Kanser Pesakit Luar	Pembayaran Balik Penuh			
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Pembayaran Balik Penuh			
E) BAYARAN BERSAMA WAJIB *tertakluk kepada Tema dan Syarat				
Bayaran Bersama Wajib	RM500 setiap Tahun Polisi			

HURAIAN MANFAAT

Had Manfaat yang layak dinyatakan dalam Jadual Polisi Manfaat dan dihuraikan di bawah.

BILIK DAN PENGINAPAN HOSPITAL - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang Diperlukan Dari Segi Perubatan untuk penginapan bilik dan makan. Jumlah manfaat mesti sama dengan caj sebenar yang dilakukan oleh Hospital semasa Orang Diinsuranskan menginap di hospital, tetapi manfaat tidak boleh melebihi kadar Manfaat Bilik dan Penginapan untuk mana-mana satu hari, dan bilangan hari maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Orang Diinsuranskan hanya layak mendapat manfaat ini semasa berada di Hospital sebagai pesakit dalam.

UNIT RAWATAN RAPI - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang Diperlukan Dari Segi Perubatan untuk bilik dan penginapan yang sebenarnya ditanggung semasa kemasukan sebagai pesakit dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital. Manfaat ini perlu dibayar sama dengan caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital tertakluk kepada manfaat maksimum untuk mana-mana satu hari, dan bilangan hari maksimum, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika tempoh kemasukan di Unit Rawatan Rapi melebihi hari maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, bayaran balik akan dihadkan kepada kadar untuk Bilik dan Penginapan Hospital Harian yang standard.

Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital tidak akan dibayar untuk tempoh kemasukan yang sama di mana Manfaat Unit Rawatan Rapi Harian dibayar.

PENGINAP - Membayar balik yuran penginap sebenar yang dikenakan untuk menemani Kanak-kanak Diinsuranskan (berumur di bawah 18 tahun) yang dimasukkan ke hospital dan tidak melebihi had atau bilangan maksimum hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

BILIK BEDAH - Pembayaran balik caj Bilik Bedah Munasabah dan Lazim yang berkaitan dengan prosedur pembedahan.

PERKHIDMATAN & BEKALAN HOSPITAL - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim sebenar yang ditanggung untuk kejururawatan am yang Diperlukan Dari Segi Perubatan, ubat-ubatan yang dipreskripsikan dan digunakan, pembalut, splin, acuan plaster, x-ray, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisme basal, suntikan dan larutan intravena, pengambilan darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Orang Diinsuranskan dimasukkan sebagai pesakit dalam di Hospital, sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

PEMBEDAHAN MENGIMPLAN PERENTAK JANTUNG DAN DEFIBRILATOR – Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim sebenar yang ditanggung untuk Pembedahan Mengimplan Perentak Jantung dan Defibrilator yang Diperlukan Dari Segi Perubatan serta preskripsinya semasa pembedahan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Perentak jantung dan defibrilator akan dilindungi untuk implantasi kali pertama dan tidak termasuk penggantian berikutnya, termasuk mana-mana bahagiannya.

ELAUN TUNAI HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN - Membayar elaun harian untuk setiap hari kemasukan di Hospital Kerajaan Malaysia untuk Hilang Upaya yang dilindungi, dengan syarat Orang Diinsuranskan menggunakan kadar Bilik dan Penginapan tidak melebihi jumlah yang dnyatakan dalam Jadual Manfaat. Tiada Bayaran akan dilakukan untuk sebarang pemindahan ke atau dari mana-mana Hospital Swasta dan Hospital Kerajaan Malaysia untuk hilang upaya yang dilindungi.

UJIAN DIAGNOSTIK PRA-HOSPITAL - Pembayaran Balik Caj Munasabah dan Lazim untuk ECG, X-ray dan ujian makmal yang Diperlukan Dari Segi Perubatan yang dijalankan untuk tujuan diagnostik akibat kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan Hilang Upaya dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan ke hospital.

Berikutan perkhidmatan diagnostik sedemikian, tiada bayaran akan dilakukan jika Orang Diinsuranskan tidak menyebabkan kemasukan ke hospital untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis. Ubat-ubatan dan rundingan yang dikenakan bayaran oleh pengamal perubatan tidak akan dibayar.

PERUNDINGAN PAKAR PRA-HOSPITAL - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim untuk perundingan kali pertama oleh Pakar berkenaan dengan Hilang Upaya dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan ke Hospital dan dengan syarat perundingan tersebut Diperlukan Dari Segi Perubatan.

Bayaran tidak akan dilakukan untuk rawatan klinikal (termasuk ubat-ubatan dan perundingan seterusnya selepas penyakit didiagnosis) atau di mana Orang Diinsuranskan tidak memerlukan kemasukan ke hospital untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis.

YURAN PAKAR BEDAH - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim untuk Pembedahan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan, termasuk penilaian yang dilakukan semasa Lawatan Pakar Perubatan sebelum pembedahan kepada Orang Diinsuranskan dan penjagaan selepas pembedahan sehingga 90 hari termasuk sebelum dan selepas tarikh pembedahan, tetapi dalam tempoh maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika lebih daripada satu pembedahan dilakukan untuk

Mana-mana Satu Hilang Upaya, jumlah bayaran untuk semua pembedahan yang dijalankan tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

YURAN PAKAR BIUS - Pembayaran Balik Caj Munasabah dan Lazim oleh Pakar Bius untuk pemberian bahan bius yang Diperlukan Dari Segi Perubatan tidak melebihi had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

PENDAPAT PEMBEDAHAN KEDUA – Caj untuk perundingan atau pendapat pakar perubatan kedua bagi menentukan sama ada pembedahan untuk penyakit atau kecederaan yang sama diperlukan dalam mempertimbangkan keadaan perubatan Orang Diinsuranskan. Jika dianggap perlu dari segi perubatan oleh pakar perubatan kedua dan bahawa ini membuktikan semula pendapat yang dikemukakan oleh pakar perubatan pertama, yuran perundingan yang ditanggung akan perlu dibayar tetapi tidak melebihi had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Perundingan kedua mesti dijalankan dalam tempoh 30 hari daripada perundingan pertama supaya manfaat ini boleh dibayar.

Bayaran tidak akan dilakukan untuk rawatan klinikal (termasuk ubat-ubatan) atau di mana Orang Diinsuranskan tidak memerlukan kemasukan ke hospital untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis.

LAWATAN PAKAR PERUBATAN DALAM HOSPITAL - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim oleh Pakar Perubatan untuk lawatan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan ke atas pesakit yang berbayar semasa dimasukkan ke hospital kerana hilang upaya bukan pembedahan tertakluk kepada maksimum 2 lawatan sehari dan tidak melebihi bilangan hari maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

RAWATAN SELEPAS KELUAR HOSPITAL - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang ditanggung dalam rawatan susulan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan yang sama, dalam tempoh 90 hari dan mengikut jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat selepas keluar dari Hospital kerana hilang upaya bukan pembedahan. Ini termasuk ubat-ubatan yang dipreskripsikan semasa rawatan susulan tetapi tidak boleh melebihi bekalan yang diperlukan untuk 90 hari seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

YURAN AMBULANS - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans domestik yang diperlukan termasuk atendan ke dan atau dari Hospital yang dimasukkan. Pembayaran tidak akan dilakukan jika Orang Diinsuranskan tidak dimasukkan ke hospital dan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

YURAN PELBAGAI HOSPITAL - Pembayaran balik yuran Kemasukan, yuran pendaftaran, rekod perubatan, yuran bil, teg nama/jalur pengenalan dan yuran pendispensan sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

YURAN LAPORAN PERUBATAN - Pembayaran balik yuran sebenar yang dikenakan untuk menyiapkan Laporan Perubatan sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

RAWATAN KEMALANGAN KECEMASAN PESAKIT LUAR - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang ditanggung sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, akibat kecederaan anggota badan yang dilindungi yang disebabkan oleh rawatan Kemalangan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik atau hospital berdaftar dalam tempoh 24 jam dari Kemalangan yang menyebabkan Kecederaan anggota badan yang dilindungi. Rawatan susulan oleh doktor yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan anggota badan sama yang dilindungi akan diberikan sehingga 90 hari seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

RAWATAN KEMALANGAN KECEMASAN PERGIGIAN - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang ditanggung sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat akibat kecederaan anggota badan yang timbul daripada KEMALANGAN yang berlaku semata-mata kepada gigi asli yang sihat, dan diterima sebagai pesakit luar dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan berlaku. Rawatan susulan akan diberikan sehingga 90 hari dari Kemalangan yang menyebabkan Kecederaan dan dijalankan di klinik pergigian atau Hospital berdaftar yang sah.

PENJAGAAN KEJURURAWATAN DI RUMAH - Pembayaran balik Caj Munasabah dan Lazim yang ditanggung sehingga 180 hari dan sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk perkhidmatan yang diberikan oleh Jururawat berkelayakan dan berlesen Kerajaan yang diperlukan dari segi perubatan untuk menjaga Orang Diinsuranskan yang hilang upaya sepenuhnya dan yang sebaliknya akan dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit memerlukan katil. Rancangan rawatan untuk penjagaan kejururawatan di rumah mesti diwujudkan dan ditetapkan oleh Pakar Perubatan yang merawat selepas Orang Diinsuranskan dimasukkan dan keluar dari Hospital.

Tiada bayaran akan dilakukan untuk penjagaan, makanan, khidmat pengemasan am, teman dan barangan keselesaan peribadi.

ELAUN PERKABUNGAN - membayar jumlah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Manfaat kepada waris Orang Diinsuranskan atau wakil peribadi yang sah sekiranya berlaku kematian Orang Diinsuranskan akibat penyakit atau kemalangan. Kematian Orang Diinsuranskan perlu disahkan melalui Sijil Kematian rasmi.

PERUBATAN ALTERNATIF - Pembayaran balik caj yang ditanggung untuk sebarang bentuk rawatan tradisional yang diberikan oleh sinseh, pengeset tulang secara tradisional atau rawatan alternatif lain, di mana perkhidmatan sedemikian disediakan di bawah Lesen Perniagaan yang sah oleh pihak berkuasa berkenaan, berikutan kecederaan anggota badan secara tidak sengaja. Rawatan Perubatan termasuk ubat yang mesti dibuktikan melalui resit. Pembayaran balik sedemikian dihadkan sehingga maksimum RM1,000 bagi mana-mana satu kemalangan.

